

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MCCE 2015 medium MOSTI komersial produk inovasi, R&D tempatan	Utusan Malaysia
2.	Fenomena air pasang besar seminggu	Berita Harian
3.	Cucian D'Belda disasar raih RM24j setahun	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 19 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

MCCE 2015 medium MOSTI komersial produk inovasi, R&D tempatan

Oleh **MOHD. AZRAIE MD. YUSOF**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) terus mengorak langkah sebagai peneraju pengkomersialan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi usahawan tempatan dengan penganjuran Persidangan dan Pameran Pengkomersialan MOSTI (MCCE) 2015 yang sedang berlangsung bermula hari ini hingga esok di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

MCCE 2015 merupakan kesinambungan kepada MCCE 2014 yang julung kali diadakan pada tahun lalu dan kali ini penganjurannya mengangkat tema 360° Merakyatkan Inovasi melalui Inovasi Inklusif Terbuka iaitu merujuk kepada manfaat inovasi kepada segenap lapisan masyarakat iaitu pelajar, belia, orang awam, penyelidik, ahli akademik, pemain industri dan pelabur.

MCCE 2015 juga sebagai persembahan MOSTI dalam menganjurkan Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 seperti yang diamanahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2016 bagi mempergiat, melonjak dan membudayakan aktiviti pengkomersialan produk inovasi dan R&D usahawan tempatan.

Mengulas lanjut mengenai temanya, Ketua Penyelaras Program MCCE 2015, Noni Salmina Abu berkata, konsep Inovasi Inklusif Terbuka yang diperkenalkan dalam MCCE 2015 merupakan gabungan dua jenis inovasi sedia ada iaitu Inovasi Inklusif dan Inovasi Terbuka.

Beliau berkata, Inovasi Inklusif Terbuka adalah penggunaan idea dalaman dan luaran yang mengambil kira pandangan masyarakat untuk pembangunan produk pengkomersialan selain membawa kepada akses produk dan perkhidmatan yang mampu dimiliki masyarakat berpendapatan rendah.

"Asas utama kepada pemilihan Inovasi Inklusif Terbuka adalah kerana ia merupakan konsep pertama yang digunakan di seluruh dunia se-



PENGARAH Daya Usaha Cipta Enterprise, Noor Alimin Zainuddin menunjukkan Mesin Lesung Elektrik ciptaannya sempena Persidangan dan Pameran Pengkomersialan MOSTI (MCCE) 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam.

MCCE'15

MOSTI COMMERCIALIZATION CONFERENCE & EXHIBITION

lain sebagai peneraju kepada takrif baharu pengkomersialan di Malaysia melalui pewujudan pasaran baharu dan juga memperbaiki tahap ekonomi masyarakat berpendapatan rendah.

"Konsep ini juga merupakan salah satu platform bagi Malaysia untuk meneraju kaedah baharu di dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) berbanding kaedah konvensional R&D&C sedia ada," katanya.

Bagi menyampaikan maklumat lebih terperinci mengenai konsep berkenaan, hari pertama MCCE 2015 diisikan dengan forum-forum berkaitan Inovasi Terbuka, Inovasi Inklusif dan Inovasi Inklusif Terbuka dengan melibatkan panel-panel yang terdiri daripada pelbagai agensi, institusi pengajian tinggi (IPT) dan industri.

Hari kedua pula diisi dengan forum-forum berkaitan Inovasi Dalam Dunia Sebenar, Realiti Dalam Inovasi serta Inovasi Dalam Kehidupan Mampan selain majlis pembukaan MCCE 2015 yang akan disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau.

Pengisian lain yang turut mewarnai MCCE 2015 adalah pameran produk-produk inovasi dan R&D oleh 55 pempamer, pelancaran

hampir 300 produk baharu inovasi dan R&D serta sesi 'pitching' dan padanan perniagaan yang bertujuan memperkenalkan hasil R&D MOSTI.

Antara produk R&D dan inovasi di MCCE 2015 yang menarik perhatian adalah seperti Mesin Lesung Elektrik yang dihasilkan oleh Daya Usaha Enterprise, 'Electric Padel Assisted Bicycle' (Voltron Green Force (M) Sdn. Bhd.), 'Touch Screen Vending Machine' (Adamo Vending Supply Sdn. Bhd.), 'The Pallet Pry Bar' (Giat Mara Petaling Jaya) dan 'Solar Grass Cutter' (Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah).

Menurut Ketua Komunikasi Korporat MOSTI, Alice Suriati Mazlan, penganjuran MCCE 2015 selari dengan hasrat dan hala tuju MOSTI untuk memacu pengkomersialan dalam negara melalui inovasi dan R&D selain menjadi platform kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk melihat peluang-peluang pengkomersialan produk-produk berkenaan.

"Inovasi bukan hanya dimonopoli oleh golongan penyelidik, profesor mahupun pengkaji makmal semata-mata, sebaliknya melibatkan seluruh rakyat atau sesiapa sahaja dan sejarah telah membuktikan kebanyakan inovasi atau ciptaan baharu datangnya daripada orang biasa.

"Inovasi merupakan idea baharu yang pada kebiasaannya dihasilkan oleh masyarakat dalam memperbaiki cara sedia ada melakukan sesuatu. Ini adalah supaya produktiviti mereka meningkat terutama dari sudut ekonomi seterusnya membantu memperbaiki taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat," katanya.

